

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 10 RABU 8 MACH, 1967. 1386 رابو 26 ذوالقعدة PERCHUMA

Gabnor Sarawak Mengadap DYMM Maulana Al-Sultan

BANDAR BRUNEI. — Gabnor Sarawak, Yang Terutama Tun Abang Haji Openg bersama dengan isteri beliau, Toh Puan Hajjah Masniah telah mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri pada pagi hari Isnin yang lalu di-Istana Darul Hana.

Tun Abang Haji Open yang telah melalui Brunei dalam rangka lawatan-nya ka-bahagian Ke-Lima Sarawak (Limbang) telah menghabiskan masa-nya sa-lama lebeh dari satu jam di-Istana sa-belum berlepas ka-Kuching pada hari tersebut.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang F. D. Webber dan Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf telah juga mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada ketika itu.

Tun Abang Haji Openg dan rombongan beliau terpaksa bermalam di-Brunei di-sebabkan kapal terbang yang di-jadualkan bertolak ka-Kuching telah tidak dapat mendarat kerana chuacha burok pada petang Ahad yang lalu.

Sa-belum itu, pada hari Khamis lepas sa-belum bertolak ka-Limbang, Tun Abang Haji Openg telah mengadakan satu majlis makan tengah hari di atas kapal.

Antara yang hadir di-majlis itu termasuk-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Benda-hara, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf dan pegawai2 kanan Kerajaan.



Gambar atas di-ambil di-Istana Darul Hana ketika Tun Abang Haji Openg (nombor 3 dari kanan) dan Toh Puan Hajjah Masniah (kanan sekali) mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan (nombor 2 dari kanan). Di-kiri sekali ia-lah Yang Terutama Awang F.D. Webber.

USOL2 YANG TIDAK SESUAI DALAM PERSIDANGAN

M. M. DAERAH

BANDAR BRUNEI — Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara dalam persidangan yang ke-23 pada hari Sabtu yang lalu di-Dewan Kemasyarakatan telah di-beri tahu bahawa beberapa usol yang di-buat mereka telah di-dapati tidak sesuai untuk di-binchangkan dalam majlis.

Di-samping itu beberapa usol telah juga di-terima majlis tetapi malang-nya kebanyakan daripada usol2 itu telah pun termasuk dalam ranchan2 Kerajaan.

Kenyataan itu di-bentangkan dalam kertas jawaban2 kerajaan ter-

hadap soalan2 mulut yang telah di-kemukakan dalam persidangan itu.

Persidangan telah di-pengerusi-kan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar.

Kenyataan tersebut ia-lah bagi menjawab soalan yang di-kemukakan oleh Pengiran Mohammad bin Pengiran Lahab, wakil dari kawasan Raja Muda.

Pengiran Mohammad berkata, sejak persidangan yang ke-12 hinggalah yang ke-22 berturut2 majlis tidak ada membinchangkan satu2 usol pun untuk di-jadikan perbinchangan.

Beliau mendesak supaya penjela-

san di-berikan atas perkara tersebut bagi menyelesaikan keraguan beliau itu.

Beliau ingin meminta penjelasan sama ada ahli2 dalam majlis itu tidak ada mengemukakan usol2 mereka atau majlis sudah menutup pintu untuk membinchangkan satu2 usol, melainkan soalan mulut saja sa-bagai perkara yang penting untuk persidangan tersebut.

Pengiran Mohammad juga bertanya tentang nasib usol2 yang telah di-buat-nya yang hingga masa ini belum lagi di-bawa ka-dalam persidangan.

Dalam jawapan itu menyatakan bahawa usol2 yang di-buat beliau itu ada-lah berkait rapat dengan tugas beberapa buah jabatan kerajaan.

Maka itu usol2 tersebut terpaksa di-edarkan kepada jabatan2 yang berkenaan supaya memberikan penjelasan2 yang terang dan memuaskan.

Namun begitu penyusolan telah pun di-buat kepada jabatan2 tersebut supaya memberi penjelasan dengan segera dari usol2 yang di-buat itu.

Awang Ali bin Ahmad wakil dari kawasan Muara telah mengemukakan soalan tentang pembekalan kereta sakit (ambulance) dan penempatan sa-orang derisa di-Muara.

Beliau berkata, satu masa dulu pernah terjadi bahawa Jabatan Perubatan Brunei telah tidak membekalkan kereta itu apabila beliau meminta untuk mengangkat sa-orang

(Lihat muka 8)

D.Y.M.M. Berangkat Keluar Negeri

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin akan berangkat keluar negeri kerana melawat beberapa buah negeri mulai 25 April hadapan

Sa-orang juruchapak Istana berkata Baginda akan mengadakan lawatan itu sa-chara tidak

rasmi.

Baginda di-jadualkan berangkat balek ka-tanah ayer pada hujung bulan Julai.

Negeri2 yang akan Baginda lawati nanti ia-lah Australia, New Zealand, Amerika, Canada, United Kingdom, France dan Germany.



Ini-lah pemandangan bangunan Balai Polis yang di-tempatkan di-Labi yang sekarang masih dalam pembenaan.

Balai Polis Labi hampir siap

LABI, ULU BELAIT. — Sa-buah Balai Polis di-Labi, Ulu Belait yang memakan belanja sa-banyak lebih dari \$700,000 pada masa ini hampir2 siap pembenaan-nya.

Selesai saja kerja2 pembenaan itu, sa-pasokan ahli2 Polis Diraja Brunei yang lengkap akan di-tempatkan di-sana bagi mengawasi dan menjaga keamanan dan ketenteraman kawasan2 perkampungan di-Ulu Belait.

Sa-orang juruchapak Kerajaan di-Kuala Belait menyatakan bahawa kawasan balai polis itu akan mengandungi sa-buah rumah untuk merinyu, dua buah barek untuk kakitangan

pulis yang beristeri dan sa-buah barek untuk kakitangan yang bujang.

Dalam kawasan itu juga akan terdapat sa-buah padang latehan2 yang juga akan digunakan sa-bagai padang permainan.

Dalam minggu lalu, tiga orang pegawai2 kanan dari pasokan Polis Diraja Brunei telah mengadakan lawatan untuk meninjau sa-chara dekat mengenai pembenaan bangunan tersebut.

Gunakan-lah Bahasa Melayu



Dalam gambar atas menunjukkan dari kiri Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin, Awang C.T. Miller, Penolong Pesuruhjaya Polis Brunei, Awang E.M. Reynolds, Pegawai Pemerintah Polis Belait dan Pengiran Dato Pahlawan Jaya, Timbalan Pesuruhjaya Polis Negeri Brunei ketika mengadakan lawatan ka-bangunan Balai Polis Labi, Ulu Belait baharu2 ini.


Mashuarat Agong 3PM Temburong

TEMBURONG. — Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak telah merasmikan pembukaan mashuarat agong tahunan Persatuan Pemuda Pemudi Melayu Temburong bertempat di-Klab Temburong pada hari Juma'at yang lalu.

Di-upacara itu, Awang Johari telah memberikan ucapan2 nasehat yang antara lain menerangkan bahawa sa-buah persatuan itu ada mempunyai perlembagaan-nya sendiri yang membolehkan persatuan itu bergerak maju ka-araf kemajuan dan perkembangan.

Beliau juga menyatakan bahawa persatuan itu akan mencapai kemajuan dan perkembangan sa-tapak demi sa-tapak walau ia-nya masih berumur sa-tahun jagong.

Akhir-nya beliau menyeru ahli2 persatuan itu supaya bersedia berhadapan dengan segala perhubungan dan mematuhi segala peraturan undang2 negeri dan tidak akan terpengaruh oleh anasir2 yang tidak bertanggung jawab.



Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak (duduk No. 5 dari kanan) bergambar ramai dengan ahli2

Persatuan Pemuda Pemudi Temburong sa-lepas merasmikan pembukaan mashuarat agong persatuan itu pada hari Juma'at yang

lalu. Di-sa-belah kanan beliau ialah Awang Zulkiflie Haji Abdullah, Pengelola Ranchangan Belia Negeri Brunei.

Falsafah kebebasan dalam Islam

APA-KAH PENGERTIAN KEBEBASAN YANG BERSesuaian DENGAN HAK MASHARAKAT

Sa-benar-nya falsafah kebebasan dalam Islam telah chukop untuk memecahkan segala persoalan masharakat kerana ia-nya ada-lah falsafah yang sentiasa bersifat sederhana jika di-bandingkan dengan falsafah lain yang bersifat terlalu kiri atau kanan-melampau.

KEBEBASAN MENURUT PANDANGAN ORANG2 BARAT

Pengertian baru bagi kebebasan menurut "pengishti-haran hak2 manusia" dapat-lah di-simpulkan seperti berikut:—

"Bahawa kebebasan ada-lah di-dasarkan atas kebebasan lain, mempergunakan hak2 samula jadi ada-lah bebas asal jangan sampai mengganggu hak2 anggota yang lain. Dan hak2 sa-rupa ini hendak-lah di-tentukan oleh undang2".

Sedangkan kalau di-analisa nyata-lah bahawa undang2 hanya berhak menahan perbuatan2 yang boleh merosakkan masharakat. Sa-suatu yang tidak di-larang oleh undang2 tidak-lah menjadi suatu hal yang terlarang. Tidak ada sa-seorang pun yang di-mestikan membuat sa-suatu yang tidak di-suruh oleh undang2. Maka ikatan2 kebebasan hanya-lah di-dasarkan atas kepentingan masharakat.

Dalam undang2 hak2 manusia yang di-buat pada tahun 1955 terdapat-lah sa-suatu yang berkaitan dengan kebebasan persaoangan ia-itu kebebasan berfikir, kebebasan beragama, kebebasan menyuarakan pendapat, kebebasan sanubari, kebebasan berkerja dan kebebasan memiliki. Kemudian dalam rangkaian (29) dari undang2 itu telah di-simpulkan bahawa: sa-seorang yang mempergunakan hak2 dan kebebasan-nya hanya-lah harus tunduk kepada undang2 yang bertujuan samata2 untuk menjaga pengakuan hak2 kebebasan dan penghormatan kepada orang2 lain, di-samping melaksanakan kehendak2 akhlak, peratoran dan kebaikan umum dalam suatu lembaga masharakat demokrasi."

Bagitu-lah dapat kita fahamkan mengenai undang2 hak manusia menurut fahaman Barat di-atas tadi. Sa-benar-nya undang2 itu hanya-lah berhampiran dengan pengertian kebebasan dalam Islam dari segi apa yang di-jelaskan kehendak2 akhlak, peratoran dan kebajikan umum", walaupun hal ini sa-benar-nya tidak terlaksana di-sebabkan ada-nya perbeza'an undang2 antara satu bangsa dengan bangsa yang

(sambongan minggu lalu)

Minggu lalu, penulis renchana ini telah membentangkan beberapa masalah yang di-hadapi oleh masharakat dunia dewasa ini untuk renongan kita bersama.

Problem2 yang di-bentangkan beliau itu meliputi kepada akhlak, kekeluargaan, perbezaan warna kulit dan anti Tohan (Athesime).

Dari problem2 ini-lah menimbulkan tuduhan2 liar yang di-limparkan kepada sa-saorang atau kepada sa-suatu perkara yang kurang di-fahami oleh orang2 atau gulungan yang menchetuskan tuduhan atau da'awaan serupa yang liar itu. Ini termasuk-lah tuduhan2 terhadap Islam, Ugama suci yang di-turunkan Allah.

"Sebab itu, bagi kita Umat Islam sayugia-lah memperdalam pengartian kita terhadap ugama kita, supaya jangan sampai kita sendiri yang memburok2kan Islam".

Dalam keluaran kali ini, penulis renchana membentangkan pula fahaman2 terhadap kebebasan menurut pandangan orang2 Barat dan bagaimana pula pengertian lanjut mengenai kebebasan dalam Islam. Bacha-lah sa-terus-nya.

oleh: Abdul Hamid bin Bakal,
M. A. (Azhar, Mesir.)

lain, sa-hingga tertinggal-lah pelaksanaan akhlak dan kebaikan umum kerana telah di-kesampingkan dalam praktik.

Kalau pun ia-nya meraikan kebaikan umum tetapi kadang2 ia-nya bersifat melampau dalam menekan kebebasan persaoangan atau terlalu melampau dalam memberi kebebasan sa-hingga boleh mendatangkan kerosakan.

PENGERTIAN KEBEBASAN DALAM ISLAM

Nas2 (keterangan2) Shari'at Islam dalam berbagai2 bidang dan cabang2-nya ada-lah kembali kepada KAEDAH ASASI yang di-jelaskan dalam Ilmu Usul. Kalau sa-seorang itu — sama ada Islam atau tidak — membuat perangkaan dan perbandingan bagi semua nas2 Shari'at Islam yang berkaitan dengan "kebebasan perseorangan" dalam Islam, dalam ruangan Mu'amalat, 'Ukubat, dan akhlak2 kemasharakatan neshchaya ia akan dapat kesimpulan yang berikut:—

Bahwa semua manusia lahir ka-dunia ada-lah bebas. Kebebasan itu ada-lah motlak dan kekal sa-lama di-atas dasar yang tidak bertentangan dengan hak dan kebaikan.

Andai-nya berlawanan dengan hak atau kebaikan (khair) — sama ada kebaikan perseorangan, keluarga atau masharakat — maka tidak-lah dapat di-kekalkan hak motlak tadi, malah di-kala itu harus-lah di-adakan pembatasan.

Ini-lah pengartian kebebasan dalam Islam. Perbezaan-nya sudah nyata antara-nya dengan pengartian2 menurut pandangan Barat, kerana Barat dalam membataskan kebebasan hanya berpegang kepada undang2, sedangkan cheraian2 undang2 yang membataskan kebebasan itu berlainan antara satu dengan lain di-sebabkan tidak ada-nya KAEDAH ASASI tempat kembali. Lain dengan Islam yang telah meletakkan asas asal atau ASASI dan meng-

anggap bahawa sesuatu kebebasan perseorangan yang boleh melanggar hak atau kebaikan bagi perseorangan, keluarga atau masharakat ada-lah menjadi sebab untuk mengadakan pembatasan kebebasan tadi.

PROBLEM MENGENAI AKHLAK

Semua ugama2 langit (yang di-turunkan Tuhan) dan akal manusia sa-pendapat dalam menentukan dan membezakan antara akhlak yang baik dan akhlak yang burok, akhlak yang boleh merosakkan diri persaoangan, keluarga atau masharakat. Tetapi undang2 Barat dalam praktik-nya tidak sa-pendapat dengan Islam menentukan apa yang di-maksudkan dengan kebebasan persaoangan itu.

Zina ada-lah suatu perkara yang keji dan merosakkan menurut pandangan semua ugama dan menurut akal fikiran yang waras. Tetapi menurut pengertian Barat tentang kebebasan hal itu tidak terlarang melainkan jika ada larangan dari segi undang2. Sedangkan menurut undang2 Barat, zina tidak-lah menjadi suatu kesalahan melainkan dalam tiga hal:

Bilamana sa-orang perempuan itu mempunyai suami,

Bilamana sa-orang wanita itu bukan wanita jalang,

Bilamana perbuatan itu di-lakukan atas dasar paksa.

Selain dari itu berzina sa-chara sembunyi dan perbuatan luhah sa-chara terang2an adalah di-haruskan di-lindungi oleh undang2.

Tetapi Islam menurut pengertian kebebasan-nya melarang zina sa-chara motlak dalam semua hal dan keadaan, kerana perempuan yang berzina mengganggu dan merosakkan nama baik keluarga — orang tua dan saudara mara-nya baik lelaki maupun perempuan.

Di-samping itu zina ada-lah bertentangan dengan kebaikan kerana sa-lain dari merosak-

orang yang berzina dengan-nya, juga orang itu sendiri telah membunuh masa depan-nya, dan ia-nya juga merosakkan masharakat bila hal itu nanti akan melahirkan anak2 zina yang menjadi bebanan masharakat.

Judi menurut ugama2 langit dan akal siuman suatu perkara yang terkutok dan merosakkan. Tetapi menurut pandangan Barat, judi maseh di-haruskan, sebab undang2 Barat menganggap bahawa judi tidak terlarang sa-chara motlak malah maseh di-perlindungi dan di-kirakan sa-bagai sumber kewangan negara.

Tetapi menurut pandangan Islam, judi ada-lah terlarang sa-chara motlak kerana judi ada-lah berlawanan dengan hak dan kebaikan. Sebab walaupun judi itu sa-chara sa-pintas lalu tidak bertentangan dengan hak kerana ia-nya di-lakukan atas kemahuan bersama antara pemain2 judi, tetapi ia-nya bertentangan dengan kebaikan orang perseorangan itu sendiri, sebab judi itu bukan sahaja akan menggadaikan ketenangan urat saraf-nya yang mungkin membawa-nya bertindak membunuh diri.

Di-samping itu judi juga bertentangan dengan kebaikan keluarga-nya, kerana wang dan harta yang di-judikan itu tidak dapat di-nekmati oleh isteri dan anak2-nya yang menyebabkan purak peranda-nya rumah tangga. Hal ini akan berekor pula dengan kerosakkan masharakat dan kebaikan umum.

Kita tinggalkan judi, chuba perhatikan soal buros dan membazir. Semua ugama dan menurut akal yang waras sa-pendapat bahawa hal itu terlarang, kerana membazir itu bertentangan dengan hak. Sebab dengan sendiri-nya mengharamkan isteri dan anak2 dari wang dan harta yang di-buroskan dan yang menjadi sumber kehidupan mereka. Dan membazir juga berlawanan dengan kebaikan sendiri sebab ia-nya akan melibatkan pemburok jatuh dalam kemiskinan yang berlaku-nya melemahkan masharakat.

Bahkan Islam lebeh jauh memandang dari itu sa-hingga di-larang-nya sa-seorang menghabiskan semua sa-kali hartanya walau pun untuk kebajikan kerana hal itu maseh berlawanan dengan hak2 keluarganya, sebab itu-lah dalam Islam wasiat hanya di-perbolehkan dalam batas tidak lebeh dari satu pertiga dari harta miliknya, dan sa-lebeh-nya itu adalah menjadi hak anggota keluarga yang berhak mewarithmetic-nya.

LIHAT MUKA 6

MUZIUM BRUNEI GIAT MENGUMPULKAN BAHAN² YA



Gambar atas kiri menunjukkan pekerja² Muzium sedang menarek keluar dari hutan rangka lungun itu.



Gambar tengah, dua orang Kenyah, Ampan Belare (kiri) dan Tusau Anak Perdon (kanan) sedang bekerja membuat rangka lungun itu.

PERSIDANGAN SOAL JAWAB TANPA USOL

Kemajuan sa-sabuah negeri itu di-chapai bukan hanya dari apa yang boleh di-lihat dengan mata kasar, bahkan juga yang dapat di-nikmati bagi ketenteraman rohani yang di-lahirkan dari fikiran² yang sa-laras dengan kemajuan itu.

Sungguh menarek dari apa yang terjadi dalam minggu lalu yang menyelubongi pada suasana persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang di-tekanakan oleh sa-orang ahli-nya sa-bagai "persidangan soal jawab tanpa usol".

Dari sini-lah terbit-nya jawapan kerajaan yang menekankan pula bahawa usol² memang ada di-buat oleh ahli² majlis itu, tetapi malangnya beberapa usol itu telah di-dapati tidak sesuai di-hadap dalam majlis, apa lagi untuk di-binchangkan.

Sa-lain dari itu, ada di-antara usol² yang di-gunakan dalam majlis itu terdapat pula dalam rancangan² kerajaan baik yang sudah di-laksanakan atau pun belum.

Memandang kepada peristawa ini, maka sudah menjadi satu perkara yang perlu bagi ahli² majlis itu meyakinkan terlebih dahulu satu² usol yang hendak di-kemukakan. Timbulnya keyakinan ia-lah dari pengkajian yang awal yang bisa menambahkan pengalaman. Dan dari situ masa tidak akan terbuang dengan sia² lebeh² lagi yang bersangkutan paut pada hal² kemajuan bangsa dan negara.

Memang-lah menjadi chita² kerajaan dan siapa² juga yang ingin maju bahawa kita haruslah mengator langkah ka-hadapan untuk maju terus dalam berbagai² segi termasuk kemajuan idea².

Dalam usaha memusatkan perkembangan Muzium lagi, baharu² ini Muzium Brunei telah berjaya menambah bahan² kumpulan-nya yang akan di-uamerkan dalam dewan pameran yang tertentu. Bahan² itu ia-lah benda² yang bersangkutan paut dalam adat kematian dan Kehidupan orang² Kenyah atau orang "Leput Taw" dari Long Nawang, Kalimantan Indonesia.

Benda² ini akan di-simpan di-dewan pameran dalam bahagian Pengkajian Bangsa Orang² Borneo (Borneo Ethnography). Bahagian ini-lah nanti yang akan memaparkan asal usul orang² Borneo dan benda² yang bersangkutan paut dengan adat dan kehidupan mereka.

Beberapa bulan yang lalu, Muzium Brunei telah mengambil dua orang Kenyah dari Long Nawang, Kalimantan Selatan (Indonesia) untuk bekerja di-Muzium ini membuat benda² itu. Mereka ini pada mula-nya telah bekerja dengan Muzium Sarawak sa-lama lebeh kurang 9 bulan kemudian dengan kerjasama Muzium Sarawak baharu-lah di-hantar ka-Brunei. Mereka ini di-jangka menamatkan pekerjaan mereka

dengan Muzium Brunei sa-hingga bulan April ini.

Benda² yang mereka di-tugaskan membuat ia-lah sa-perti "Lungun"; Utap, Salib, Sampa (Gambus) dan Kalong.

Nama² ini ada-lah dalam hasa Kenyah. "Lungun" mereka buat bagi Muzium ne i-lah tempat menyamay atau keranda besar atau yang bergelar



Dua buah patong yang sudah siap di-buat oleh Amban merupakan sa-orang laki² yang sedang memancing gambunya belum siap) dan di-kanan, patong sa-orang gadis yang

YANG MENAREK



Rangka kasar 'lungun' itu hampir2 siap (gambar atas kanan). Kerja2 tangan yang di-lakukan oleh dua orang Kenyah ini amat menarik.



dalam ba-
gun" yang
muzium Bru-
nenyimpan
a orang2
gelar yang

mereka panggil "Paren". Di-
hadapan dan di-belakang "Lu-
ngun" ini duduk dua patong
yang mereka gelarkan "Uyat
Bula Lungun".
Mereka membuat juga dua

patong — lelaki dan perem-
puan. Yang perempuan mena-
rikan "Tai Kanjit" dan yang
lelaki memainkan "Sampa"
atau gambus dalam waktu ke-
matian. "Salib" pula ia-lah
ukiran2 yang menandakan ke-
matian di-dirikan pada "Lu-
ngun".


Pada perhiasan dinding2 ru-
mah orang mati mereka buat
"Kalong". Beberapa keping
"Utap" telah siap di-buat me-
reka dan ada yang sedang me-
reka usahakan lagi.

Semua benda2 yang mereka
hasilkan ini penuh dengan ukir-
an2 dan lukisan2 yang indah
melambangkan tentang keper-
chayaan orang2 "Leput Taw"
di-Long Nawang dan ia-nya
mempunyai pengertian yang
tersendiri. Benda2 ini akan
menarik perhatian pelawat2
apabila di-pamerkan nanti.

Dengan ada-nya usaha2 sa-
perti ini Muzium Brunei dapat
memajukan diri-nya sa-tapak
lagi ka-hadapan bagi meleng-
kapi dan membaiki hasil2 kum-
pulan-nya untuk pameran da-
lam muzium Brunei yang akan
di-bena di Kota Batu nanti.
Usaha2 saperti ini akan di-
teruskan dari masa ka-masa
mengikut keadaan dan kemam-
puan Muzium Brunei. Setiap
pergerakan itu bererti kema-
juan.



dan Tusau. Patong di-sabelah kiri
mbus yang di-gelar "sampa" (gambus-
yang sedang menari tarian 'Tai Kanjit'.



Gambar atas kanan merupakan pa-
tong sa-orang gadis sedang di-halusi
sa-halus2-nya sa-hingga menyerupai
bentuk manusia yang sa-benar.
Ampan Anak Belare (gambar ka-
nan) sedang menghalusi patong
yang melekat pada lungun itu yang
di-gelar "Uyat Bula Lungun"

Kursus pertanian bagi penduduk2 Kampong2 Ratan dan Rampayoh

LABI, ULU BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam minggu lalu telah merasmikan pembukaan kursus pertanian bagi kampong2 Ratan dan Rampayoh di-Balai Raya Mukim Labi.

Berucap sa-belum merasmikan pembukaan itu, Pengiran Momin berharap supaya kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian itu akan mendatangkan faedah kepada ahli2 peladang yang mengikutinya.

Beliau menjelaskan bahawa pertanian ada-lah salah satu sumber mata pencharian yang lebeh baik pendapatan-nya jika di-bandingkan dengan pendapatan sa-orang buroh.

Pengiran Momin menekankan bahawa keadaan tanah di-mukim itu ada-lah lebeh baik untuk berchuchok tanam kalau di-bandingkan dengan tempat2 yang lain.

Beliau menyeru penduduk2 di-situ supaya berusaha dan mengisikan tanah2 mereka dengan tanam2an supaya tanah2 itu tidak terbiar dengan pokok2 kayu yang tidak mendatangkan hasil.

Turut memberikan ucapan di-upacara itu termasuk-lah pegawai2 kanan pertanian, Yang Di-Pertua persatuan tersebut dan Yang Berhormat Awang Ariff bin Mujun, ahli Majlis Mashuarat Negeri bagi kawasan Ulu Belait.

Kursus pertanian bagi ahli2 Persatuan Peladang Kampong Ratan dan Rampayoh itu akan berjalan sa-lama sa-minggu.

Sa-bagai penamat kursus, mereka telah di-bawa melawat ka-Pusat Pertanian Kilanas untuk meninjau sa-chara langsung usaha yang di-jalankan di-pusat itu.



Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Ratan dan Rampayoh bergambar ramai dengan Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin sa-lepas beliau merasmikan pembukaan persatuan itu baharu2 ini.



Ahli2 peladang lebeh 2,000

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Peladang Mukim Luagan Dudok, Tutong yang baru saja di-tubuhkan telah di-terima menjadi ahli gabungan kepada Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei.

Dengan tertubuh-nya persatuan itu, maka jumlah persatuan2 peladang di-kampong2 seluruh negeri telah meningkat kepada 47 buah yang mengandungi sa-ramai 2,040 orang ahli2-nya.

Sa-ramai 13 orang ahli2 Klab Kamera dari Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-bahagian penggambaran Jabatan Penyiaran dan Penerangan pada hari Sabtu yang lalu. Mereka itu ada-lah terdiri dari penuntut2 Tahun II dan rombongan itu di-ketuai oleh Ak. Yusuf bin Pengiran Abbas. Ikut serta dalam rombongan itu ia-lah penasehat bagi klab tersebut, Che'gu Abdul Hamid bin Penyurat Haji Abu Bakar.

Dalam gambar ini kelihatan mereka sedang di-beri penerangan mengenai chara2 yang baik ketika hendak menggunakan sa-sabua kamera sa-belum memulakan penggambaran. Yang memberi penerangan itu (memegang kamera) ia-lah Ketua Bahagian Penggambaran, Awang Kamaluddin bin P. H. Abu Bakar. Mereka juga telah di-beri penerangan dalam berbagai2 perkara penggambaran.

Falsafah kebebasan dalam Islam

DARI MUKA 3

Bagitu-lah pandangan Islam dalam perkara2 yang boleh mendatangkan gangguan dan kerosakkan kepada diri persorangan, keluarga, atau masyarakat. Bahkan walaupun boleh merosakkan binatang sekalipun Islam ada-lah lebeh bersifat "kasehan" jika di-bandingkan dengan undang2 Barat yang baru yang bersangkutan dengan kerana undang2 itu maseh MENGESEHANI HAIWAN, kerana undang2 itu maseh tidak meliputi dalam semua hal dan keadaan.

Sebab undang2 demikian maseh belum menegah permainan laga lembu (Bull fighting) dan sabong ayam yang tentu-nya maseh berlawanan dengan dasar mengesehkan haiwan. Tetapi Islam tetap melarang mempergunakan binatang walaupun sa-bagai untuk kesukaan dan permainan.

Lebeh jauh dari itu Islam melarang sa-seorang itu bersifat negative terhadap binatang yang lapar dan dahaga tanpa memberi-nya makan atau minum. Sifat negative ini ada-lah berlawanan dengan kehendak2 hak dan kebaikan, sebab itu-lah orang yang demikian di-anggap berdosa.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 8 Mach, 1967 hingga ka-hari Selasa 14 Mach, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

ada-lah seperti di-bawah ini. —								Matahari
Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
8	Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29
9	Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29
10	Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29
11	Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27
12	Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27
13	Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27
14	Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Merinyu Pulis berlateh di-Kuala Lumpur

BANDAR BRUNEI — Empat orang merinyu Pulis perchubuan telah berlepas ka-Kuala Lumpur untuk menjalani latehan di-Pulis Depot di-sana baharu2 ini.

Mereka itu ia-lah Ak. Haji Aziz bin Pengiran Haji Abu Bakar, Ak. Kamaluddin bin

Pengiran Besar, Abdul Latif bin Haji Ghafar dan Abdul Hamid bin Johari.

Mereka akan menjalani latehan permulaan kira2 sa-lama 9 bulan di-Kuala Lumpur dan sa-lama tiga bulan di-Kuala Kubu bagi menjalani pelajaran2 khas dalam beberapa jurusan pelajaran pulis.

SOKAN DAN OLAH-RAGA

RENTAS DESA

(Cross Country)

Perlawanan rentas desa antara Sekolah2 Rendah Melayu Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran telah di-langsungkan baharu2 ini.

Perlawanan ada-lah satu daripada rancangan perlawanan tahunan yang di-kekelolakan oleh Bahagian Pendidekan Jasmani di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Perlawanan2 pemilihan peringkat daerah yang telah di-langsungkan pada minggu lalu ada-lah seperti berikut:—

PADA 26HB, FEBRUARI, 1967: Telah di-langsungkan perlawanan pemilihan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong II, berpusat di-padang Sekolah Melayu Abd. Rashid Tanjong Maya.

Sa-banyak 9 buah Sekolah telah memasuki perlawanan pada petang itu yang terdiri dari 3 pasukan kumpulan laki2 "A", 9 pasukan kumpulan laki2 "B" dan 7 pasukan kumpulan perempuan yang mengandongi sa-ramai 72 orang peserta laki2 dan 42 orang peserta perempuan.

Sekolah2 yang mengambil bahagian itu ia-lah:—

Sekolah Melayu Abd. Rashid, Tanjong Maya; Sekolah Melayu Ukong; Sekolah Melayu Telisai; Sekolah Melayu Danau; Sekolah Melayu Bukit Udai; Sekolah Melayu Panchong; Sekolah Melayu Sg. Damit Pemasang; Sekolah Melayu Layong dan Sekolah Melayu Kampong Bukit.

KEPUTUSAN PERLAWANAN

Keputusan bagi perlawanan kumpulan laki2 bahagian "A" di-menangi oleh Pasokan Sekolah Melayu Ukong, memenangi Piala Rebutan hadiah daripada Guru2 Sekolah Melayu Abd. Rashid, Tanjong Maya, 1966 sa-bagai johan.

Naib Johan di-menangi oleh Pasokan Sekolah Melayu Abd. Rashid, Tanjong Maya.

Bahagian persaoangan gelaran Johan jatuh kepada Awang Api bin Edon dari Sekolah Melayu Ukong; Kedua, Awang Md. Ali bin Rani, dari Sekolah Melayu Telisai dan Ketiga, Awang Omar bin Talib, dari Sekolah Melayu Abd. Rashid, Tanjong Maya.

KUMPULAN LAKI2 "B" (Berpasokan): Johan: Pasokan Sekolah Melayu Abd. Rashid Tanjong Maya, memenangi hadiah rebutan ia-itu sa-buah Piala hadiah daripada Yang Mulia Bendahari Haji Abd. Ghafar bin Haji Sidi. Naib Johan: Pasokan Sekolah Melayu Ukong.

Bahagian persaoangan: Johan: Awang Labang bin Somong dari Sekolah Melayu Kampong Bukit; Kedua: Awg.

OLEH: MD. HUSAIN ZAINAL

Tinggi bin Kawang dari Sekolah Melayu Panchong dan Ketiga: Awang Patae bin Ongsang dari Sekolah Melayu Panchong.

Kumpulan Perempuan (Berpasokan): Johan: Pasokan Sekolah Melayu Telisai, memenangi hadiah rebutan ia-itu sa-buah Piala hadiah daripada Yang Berhormat Awang Md. Zain bin Serudin dan Naib Johan Pasokan Sekolah Melayu Abd. Rashid, Tanjong Maya. Johan Persaoangan di-menangi oleh Dayang Afsah binte Mahari dari Sekolah Melayu Abd. Rashid, Tanjong Maya; Kedua: Dy. Pinggan binte Kambing dari Sekolah Melayu Ukong dan Ketiga: Dayang Faridah binte Kahar dari Sekolah Melayu Abd. Rashid, Tanjong Maya.

Keputusan2 perlawanan yang mendapat pangkat pertama tiap2 kumpulan persaoangan akan mewakili sekolah2 Melayu Bahagian Tutong II masuk ka-perlawanan Peringkat Negeri

Gelaran Johan semua peringkat di-menangi oleh Sekolah Melayu Ukong dan memegang hadiah rebutan, sa-buah Piala hadiah daripada Yang Mulia, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Md. Saleh, Pegawai Daerah Tutong.

PADA 27HB, FEBRUARI, 1967: perlawanan pemilihan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Belait, berpusat di-padang Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait telah di-langsungkan. Sa-banyak 7 buah sekolah telah memasuki perlawanan pada petang itu yang terdiri dari 5 pasukan kumpulan laki2 "A", 6 pasukan kumpulan laki2 "B" dan 7 pasukan kumpulan Perempuan yang mengandongi sa-ramai 66 orang peserta lelaki dan 42 orang peserta perempuan.

Sekolah2 yang mengambil bahagian ia-lah Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Sekolah Melayu Mohd. 'Alam Seria, Sekolah Melayu Sukang, Sekolah Melayu Melilas, Sekolah Melayu Bukit Sawat, Sekolah Melayu Sungai Liang dan Sekolah Melayu Lumut.

Keputusan Perlawanan bahagian Kumpulan Laki2 "A" berpasokan ada-lah seperti berikut:—

Johan: Pasokan Sekolah Melayu Melilas, dan memenangi hadiah rebutan; sa-buah Piala hadiah daripada Orang2 Melayu Belait dan Naib Johan: Pasokan Sekolah Melayu Bukit Sawat.

Johan bahagian persaoangan di-menangi oleh Awang Sindai OKS, Kana, dari Seko-

lah Melayu Melilas, Kedua: Awang Nyang bin Nyalai, dari Sekolah Melayu Melilas dan Ketiga: Awang Galau bin Semit, dari Sekolah Melayu Sukang.

Johan Kumpulan Laki2 "B" berpasokan telah di-menangi oleh Johan: Pasokan Sekolah Melayu Mohammad 'Alam Seria, dan memenangi hadiah rebutan; sa-buah Piala hadiah daripada Guru2 Sekolah Melayu Mohammad 'Alam, Seria tahun 1965 dan Naib Johan: Pasokan Sekolah Melayu Sukang.

Johan persaoangan di-menangi oleh Awang Bayoh bin Batu, dari Sekolah Melayu Melilas, Kedua: Awang Rambutan bin Sigan, dari Sekolah Melayu Sukang dan Ketiga: Awang Manan bin Raub, dari Sekolah Melayu Mohammad 'Alam Seria.

Kumpulan Perempuan bahagian berpasokan gelaran Johan di-menangi oleh Pasokan Sekolah Melayu Melilas, dan memenangi hadiah rebutan; sa-buah Piala hadiah daripada Yang Mulia Pengiran Abd. Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Daerah Belait.

Naib Johan: Pasokan Sekolah Melayu Mohammad 'Alam, Seria, dan memenangi hadiah rebutan; sa-buah Piala hadiah daripada Ak. Tuah bin Pengiran Apong, bekas Guru Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin 1964.

Johan bahagian persaoangan di-menangi oleh Dayang Gelang binte Nawat, dari Sekolah Melayu Melilas; Kedua: Dayang Rusi binte Tangkaja, dari Sekolah Melayu Lumut dan Ketiga: Dayang Lim See Nee, dari Sekolah Melayu Bukit Sawat.

Keputusan2 perlawanan yang mendapat pangkat pertama tiap2 kumpulan berpasokan dan pangkat pertama, kedua dan ketiga tiap2 kumpulan persaoangan akan mewakili sekolah2 Melayu Bahagian Belait, masuk ka-perlawanan peringkat negeri.

PADA 28HB, FEBRUARI, 1967: perlawanan pemilihan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong I, berpusat di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong telah di-adakan. Sa-banyak 8 buah sekolah2 telah memasuki perlawanan pada petang itu yang terdiri dari 4 pasukan kumpulan laki "A", 8 pasukan kumpulan laki2 "B" dan 7 pasukan kumpulan Perempuan yang mengandongi sa-ramai 72 orang peserta laki2 dan 42 orang peserta perempuan.

Sekolah2 yang mengambil

bahagian ia-lah Sekolah Melayu Muda Hashim, Sekolah Melayu Lamunin, Sekolah Melayu Kiudang, Sekolah Melayu Sinaut, Sekolah Melayu Penanjong, Sekolah Melayu Kupang, Sekolah Melayu Bakiau dan Sekolah Melayu Bukit Panggal.

KEPUTUSAN PERLAWANAN

Kumpulan laki2 "A" bahagian berpasokan gelaran Johan di-menangi oleh Pasokan Sekolah Melayu Sinaut, dan memenangi hadiah rebutan sa-buah Perisai hadiah daripada Tuan Haji Ghazali bin Umar.

Naib Johan jatuh kepada Pasokan Sekolah Melayu Lamunin, dan memenangi hadiah rebutan, sa-buah Piala hadiah daripada Awang Abang bin Sahat.

Johan bahagian persaoangan di-menangi oleh Awang Anggi bin Gering, dari Sekolah Melayu Kiudang; Kedua: Bu-jang Raya bin Wan Tahir, dari Sekolah Melayu Sinaut dan Ketiga: Awang Banching bin Badar, dari Sekolah Melayu Lamunin.

Johan Kumpulan laki2 "B" bersaoangan di-menangi oleh Pasokan Sekolah Melayu Sinaut, dan memenangi hadiah rebutan; sa-buah Piala hadiah daripada Yang Berhormat Orang Kaya Lukan bin Ukong.

Naib Johan: Pasokan Sekolah Melayu Kupang, dan memenangi hadiah rebutan; sa-buah Piala hadiah daripada Awang Chong Seng Toh.

Johan bahagian persaoangan di-menangi oleh Awang Yunos Imam Kani, dari Sekolah Melayu Muda Hashim; Kedua: Awang Abd. Karim Abd. Wahab, dari Sekolah Melayu Penanjong dan Ketiga: Awang Latif Jenuddin, dari Sekolah Melayu Kupang.

Kumpulan Perempuan bahagian berpasokan, Johan: Pasokan Sekolah Melayu Kupang, dan memenangi hadiah rebutan, sa-buah Piala hadiah daripada Awang Abd. Ghani bin Md. Hassan, bekas Pegawai Daerah Tutong dan Naib Johan: Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong.

Johan persaoangan di-sandang oleh Dy. Lauyah binte Haji Ahim, dari Sekolah Melayu Kupang; Kedua: Dayang Susom binte Onggang, dari Sekolah Melayu Muda Hashim dan Ketiga: Dayang Katam binte Kanau, dari Sekolah Melayu Kiudang.

Keputusan2 perlawanan yang mendapat pangkat pertama tiap2 kumpulan berpasokan dan pangkat pertama, kedua dan ketiga tiap2 kumpulan persaoangan akan mewakili sekolah2 Melayu Bahagian Tutong I, masuk ka-perlawanan peringkat negeri.



ABU BAKAR BIN ARSHAD

Rentas Desa Antara Rumah2 Maktab SOAS

Maktab S.O.A.S. telah mengadakan perlawanan rentas desa antara pasokan rumah2 yang telah di-langsungkan pada hari Sabtu yang lalu.

Dalam perlawanan itu, johan bahagian perempuan telah di-menangi oleh Normah binte Lamat dari pasokan rumah Bendahara.

Johan bahagian laki2 telah di-menangi oleh Abu Bakar bin Arshad juga dari pasokan rumah Bendahara.



NORMAH BINTE LAMAT

4 usol lulus dalam M. M. Daerah Temburong - pemasangan

BANGAR, TEMBURONG — Majlis Mashuarat Daerah Temburong telah meluluskan satu usol bagi mengadakan X-Ray di-Rumah Sakit, Bangar dalam persidangan ke-23 yang telah di-langsungkan di-Klub Temburong di-sini pada pagi Sabtu yang lalu.

Usol tersebut telah di-kemukakan oleh Awang Haji Abu Bakar bin Baha wakil kawasan Puni.

Ketika mengemukakan usol tersebut, Awg. Haji Abu Bakar menekankan bahawa dengan mengadakan X-Ray di-rumah sakit itu, maka ia-nya akan dapat memberi kesenangan kepada orang2 kampung yang mengidap penyakit batuk kering dan sa-umpama-nya.

Dalam persidangan itu, majlis telah bersetuju supaya di-tempatkan sa-orang pegawai Imigresen di-Kuala Labu.

Kursus Bagi Merinyu Bandaran Brunei di-Kuala Lumpur

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang merinyu kanan dari Jabatan Bandaran, Bandar Brunei, Awang Alfred Bong Thiam Leong telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Ahad yang lalu untuk mengikuti satu kursus bandaran di-sana.

Beliau akan berada di-Kuala Lumpur sa-lama sa-bulan untuk memperhati sambil belajar mengenai dengan kesihatan dalam bandaran seperti kebersihan pasar dan sa-bagai-nya.

Ini ada-lah julong2 kali pegawai dari Jabatan Bandaran itu yang di-hantar oleh Kerajaan mengenai dengan kursus tersebut.



Toh Puan Hajjah Masniah, isteri Tun Abang Haji Openg telah menjadi tetamu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, ketika Gabnor Sarawak itu mengadakan kunjungan ka-Istana Darul Hana.

Usol2 yang tidak sesuai dalam Persidangan M.M. Daerah

(Dari muka 1)

sakit dari Kampong Kapok ka-rumah sakit.

Beliau juga bertanya tentang penempatan sa-orang derisa yang pada masa ini di-tiadakan.

Jawapan kerajaan berkata, kereta itu selalu-nya di-bekalkan jika pehak si-sakit memohonkan-nya dan kebetulan pula kereta itu tidak di-gunakan.

"Tetapi jika kechemasan berlaku serentak dalam dua atau tiga tempat dan semua kereta2 sakit dalam keadaan sebak, maka ketika ini-lah Jabatan Perubatan tidak dapat menghantar kereta tersebut dengan segera."

Mengenai menempatkan sa-orang derisa di-Muara, jawapan kerajaan menyatakan bahawa dalam tahun 1961 sa-orang derisa telah di-tempatkan di-sana, tetapi di-sebabkan kekurangan kakitangan di-Rumah Sakit Besar maka pegawai itu telah di-tarek balek. Tambahan pula aduan2 sakit di-Muara tidak banyak.

Namun bagitu, pehak Jabatan Perubatan pada masa ini telah pun mengadakan lawatan ka-Muara dengan kereta pada tiap2 hari Isnin dan Sabtu bagi merawat orang2 yang mendapat sakit biasa.

Walau bagaimana pun, Jabatan Perubatan berjanji akan membekalkan pegawai-nya di-Muara apabila pegawai2 perubatan menchukupi.

Awang Ali juga bertanya tentang bilakah masa-nya geran2 tanah akan di-keluarkan oleh pemohon2 yang telah memusit tanah2 itu yang telah pun di-sukat dan di-tanam batu dalam tahun 1936 hingga 1954.

Jawapan kerajaan menjelaskan bahawa ada tiga sebab mengapa terlambat dalam melaksanakan permintaan tanah dalam bahagian kawasan Muara pada tahun 1936 — 1954:

- * Oleh sebab Jabatan Pertanian, Jabatan Ukor dan Pejabat Tanah kekurangan kaki tangan untuk melaksanakan permohonan memileki tanah yang menchurah2 datang-nya hingga terpaksa di-tanggohkan.
- * Perbahathan telah pun di-adakan, tetapi baru2 ini ada chadangan untuk membuat pelabohan di-Muara, maka permohonan tanah di-situ terpaksa-lah di-batalkan jika projek tersebut di-laksanakan.
- * Sultan dalam majlis mashuarat mengumumkan dalam bulan Oktober, 1964 bahawa semua permohonan sa-lepas 1936 —

1954 di-lakukan dan permohonan yang akan di-layan ia-lah permohonan yang di-buat sa-belum itu.

Menerangkan selanjut-nya jawapan kerajaan itu menyatakan:

"Kerja2 untuk melaksanakan permohonan tersebut selalu tergendala di-sebabkan beberapa perkara seperti si-pemohon berada di-luar negeri atau meninggal dunia".

Hal ini ada-lah mendaftarkan kesukaran bagi menchari warith2-nya yang berhak memileki tanah itu sa-lain di-sebabkan tanah2 itu sukar untuk di-periksa oleh pegawai2 tanah.

Peruntukan bagi pembenaan kawasan pelabohan Muara pada masa ini sedang di-pertimbangkan dan Pesuruhjaya Tanah sedang menanti2 keputusan di-manakah tapak tanah yang di-kehendaki untuk perojek itu.

Jawapan itu selanjut-nya memberi jaminan bahawa sa-baik2 saja di-beritahu kedudukan perkara itu, maka Pesuruhjaya Tanah akan melaksanakan 87 permohonan tanah yang di-buat oleh penduduk2 di-Muara.

Duli Yang Maha Mulia dalam majlis mashuarat akan menimbang permohonan tersebut.

Jawaban itu menyatakan juga bahawa 8 permohonan saja lagi dalam kawasan Muara yang belum habis di-periksa, enam maseh dalam tindakan Pejabat Pertanian, satu Pejabat Ukor dan satu lagi di-Pejabat Tanah.

Awang Mokhtal bin Md. Salleh, wakil kawasan Sultan Lama telah mengemukakan soalan-nya mengenai kemungkinan melantek ahli2 Mukim Konsol bagi kawasan Kampong Ayer.

Jawapan kerajaan berkata bahawa lantekan itu memang ada dan perkara itu sedang dalam urusan melaksanakan-nya.

Mengenai kedudukan Kampong Paya Karangan Limau Manis sama ada dalam kawasan Limbang, Malaysia atau Brunei telah juga di-timbulkan dalam persidangan tersebut.

Awang Ahmad Jalani, wakil kawasan Sengkuring yang menimbulkan masalah itu menyatakan keraguan-nya tentang sikap pehak berkuasa di-Limbang yang telah dikatakan beliau sa-bagai bertindak sa-olah2 kedudukan kampung itu termasuk dalam wilayah Limbang.

Jawapan kerajaan menyatakan bahawa tindakan belum dapat di-ambil di-sebabkan kedudukan kampung tersebut belum ada ketetapan-nya sama ada dalam kawasan Brunei atau pun Sarawak.

rachun babi di-tegor

Awang Metusin bin Aliakbar wakil kawasan Labu Estate yang mengemukakan usol itu telah menerangkan bahawa dengan menempatkan pegawai imigresen di-situ akan dapat memberi kemudahan dan kesenangan kepada orang2 yang akan pergi ka-Limbang, Terusan dan Lawas yang melalui jalan laut.

Beliau juga telah mengemukakan satu usol yang lain meminta supaya kerajaan dapat memberikan dua kawasan tanah untuk membuat rumah bagi penduduk2 Senukoh sa-belum kerajaan memulakan projek pertanian di-Labu Estate.

Sementara itu, wakil dari kawasan Batu Apoi, Awang Tuah bin Tali telah mengemu-

kakan satu usol bagi menasehatkan kerajaan supaya jangan memasang rachun babi di-kebun2 atau di-sawah2 padi.

Beliau menekankan bahawa memasang rachun babi di-tempat2 tersebut akan mendatangkan bahaya dan tidak menjamin keselamatan penduduk2 kampung.

Beliau berkata, sa-patut-nya pehak Jabatan Pertanian terlebih dahulu berhubung dengan Jabatan Perubatan sa-belum memasang rachun itu supaya dapat menjamin keselamatan penduduk2 kampung yang berkenaan dalam daerah itu.

Sa-banyak tiga soalan mulut telah juga di-kemukakan di-majlis itu.

Majlis tersebut telah di-pengerusikan oleh Awang Johari bin Abdul Razak, Pemangku Pegawai Daerah Temburong.